

SPM 2025



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

Modul Intervensi Pembelajaran

EKONOMI

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



**MODUL INTERVENSI PEMBELAJARAN (MIP) SPM 2025
EKONOMI**

PENAUNG

PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

PENGERUSI

TUAN HJ WAN ZURAIDI BIN CHE WAN ZAID
TPP SEKTOR PEMBELAJARAN

PENGURUS

MOHD ZULKAPLI BIN JUSOH
KPPK UNIT TVET

PENYELARAS

IBRAHIM BIN MOHD AZHAR
PP SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM

AHLI PANEL

NORAZLINA BINTI AZIZ
SMK SERI NILAM, K TRG

SUHAIZA BINTI SHEIKH ABDULLAH
SMA AL FALAH, KEMAMAN

SITI AISAH BINTI MUDA
SMK MAK LAGAM, KEMAMAN

MOHD SYAMRI BIN ABD RAZAK
SMK TOK DOR, BESUT

RADIAH BINTI ISMAIL
SMK SUNGAI TONG, SETIU

WARIDAH BINTI ABDUL RAHMAN
SMK JABI, BESUT

ZALINA BINTI MUHAMMAD
SMK LEMBAH BIDONG, SETIU

NOOR SYAMIRA BINTI SULIMAN
SMK KOMPLEKS RANTAU ABANG, DUNGUN

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

Ciri-ciri Faktor Pengeluaran	
Tanah	
Buruh	
Modal	
Usahawan	

MASALAH EKONOMI (KPKL)

Konsep Unit eko.	Kekurangan	Pilihan	Kos lepas
Isi rumah			
Firma			
Kerajaan			

MASALAH ASAS EKONOMI (ABBU)

Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	Sistem Ekonomi Pasaran Bebas	Sistem Ekonomi Campuran
Apa yang hendak dikeluarkan			
Berapa hendak dikeluarkan			
Bagaimana hendak dikeluarkan			
Untuk siapa dikeluarkan			

PERBEZAAN ANTARA SISTEM-SISTEM EKONOMI

CIRI - CIRI	SISTEM EKONOMI PERANCANGAN PUSAT	SISTEM EKONOMI PASARAN BEBAS	SISTEM EKONOMI CAMPURAN
PEMILIKAN SUMBER			
PEMBUAT KEPUTUSAN			
PILIHAN			
PENENTUAN HARGA			
PERSAINGAN			
MOTIF PENGELUARAN			

LATIHAN OBJEKTIF

1 Apakah yang dikaji dalam ilmu ekonomi?

- A Gelagat manusia untuk mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi yang ada
- B Usaha kerajaan untuk mengagihkan sumber kekayaan yang ada di negara kita
- C Keinginan individu tertentu untuk memenuhi semua keperluan dalam kehidupan
- D Keupayaan individu untuk memenuhi kehendaknya berdasarkan pendapatan yang terhad

2 Pernyataan yang manakah betul tentang buruh?

- A Mempunyai mobiliti geografi tinggi
- B Sanggup menanggung semua risiko
- C Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- D Bertanggungjawab menggabungkan semua sumber ekonomi

3 Pasangan yang manakah betul?

	Sumber Ekonomi	Keterangan
A	Tanah	Input yang menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran
B	Usahawan	Individu yang berperanan menghasilkan output maksimum
C	Buruh	Alat ciptaan manusia untuk menghasilkan output
D	Modal	Sumber yang penawarannya tidak terhad


4 Pasangan yang manakah betul tentang buruh dan usahawan?

	Buruh	Usahawan
A	Bebas membuat keputusan	Tidak bebas membuat keputusan
B	Terima ganjaran upah	Terima ganjaran untung
C	Bekerja sendiri	Bekerja dengan orang lain
D	Penawaran terhad	Penawaran tidak terhad

5 Pasangan yang manakah betul?

	Modal	Ciri	Tanah
A	Alat ciptaan manusia	Pengeluar	Anugerah alam semulajadi
B	Upah	Pulangan	Sewa
C	Terhad	Penawaran	Tidak terhad
D	Mobiliti kegunaan	Mobiliti	Mobiliti geografi

6 Rajah berikut menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang perlu untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.



Apakah ganjaran yang diberi kepada penyumbang **A**?

- A** Upah
- B** Sewa
- C** Faedah
- D** Untung

7 Gambar berikut menunjukkan sejenis sumber ekonomi.



Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan sumber ekonomi tersebut?

- A** Input produktif yang dicipta oleh manusia untuk mengeluarkan output
- B** Berperanan menyelaraskan dan menggabungkan faktor pengeluaran
- C** Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhadap
- D** Membenarkan orang lain menguruskan untungnya


8 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul?


- A** Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
- B** Gabung dan selaras sumber ekonomi yang lain
- C** Sumber alam semulajadi yang mempunyai penawaran terhadap
- D** Alat yang dicipta oleh manusia yang membantu dalam pengeluaran

- 9 Gambar berikut menunjukkan faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul berkaitan faktor pengeluaran tersebut?

- A Mobiliti geografi yang tinggi
 - B Penawaran yang tidak terhad
 - C Gabung faktor pengeluaran yang lain
 - D Mencapai pengeluaran output yang maksimum
- 10 Gambar berikut menunjukkan sejenis sumber ekonomi.



Pernyataan yang manakah betul menggambarkan sumber ekonomi tersebut?

- A Mendapat ganjaran dalam bentuk faedah
 - B Menggabungkan input-input pengeluaran bagi menghasilkan output
 - C Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran
 - D Merupakan alat ciptaan manusia untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

Encik Zul mempunyai kolam ikan air tawar di Marang, Terengganu. Permintaan terhadap ikan air tawar beliau telah meningkat dan mendapat sambutan hangat.

Antara berikut, yang manakah betul berkaitan sumber ekonomi?

- I Menyumbang tenaga fizikal dan mental untuk menghasilkan barangan
- II Mencapai pengeluaran yang maksimum
- III Menanggung risiko ketidakpastian
- IV Merupakan buruh mahir

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Encik Azmi bekerja di sebuah ladang di Negeri Sembilan sebagai seorang Penyelia. Beliau telah bekerja selama 10 tahun di ladang tersebut.

Pernyataan yang manakah betul tentang Encik Azmi?

- A Mendapat ganjaran dalam bentuk untung
- B Merupakan sumber ekonomi yang melakukan inovasi
- C Menggabungkan faktor pengeluaran bagi menghasilkan output
- D Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran

- 13 Apakah tujuan isi rumah membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?

- A memenuhi kehendak manusia
- B meningkatkan kos pengeluaran
- C menambah output pengeluaran
- D memaksimumkan kepuasan pengguna

- 14 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi

Kekurangan sumber hasil mewujudkan pilihan.

Matlamat pilihan tersebut dibuat untuk memaksimumkan

- A keluaran firma
- B kebajikan rakyat
- C kepuasan isi rumah
- D keuntungan pengeluar


- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Kerajaan bercadang membina hospital dan sekolah. Namun disebabkan masalah kekurangan hasil menyebabkan kerajaan memilih untuk membina hospital.

Apakah sebab keputusan tersebut diambil?

- A Meminimumkan kos pengeluaran
- B Memaksimumkan kebajikan rakyat
- C Tahap kepuasan rakyat ditingkatkan
- D Tahap kesihatan dalam negara telah meningkat

- 16 Rajah berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh unit kerajaan.



Pernyataan yang manakah betul tentang X?

- A Pemilikan sumber ekonomi terhad
- B Projek akan memberi kebajikan kepada masyarakat
- C Menggunakan teknik yang cekap untuk memaksimumkan kepuasan
- D Kerajaan melepaskan barangan kedua terbaik untuk mendapatkan yang terbaik

- 17 Kilang barangan elektrik KINNA memiliki sumber yang terhad untuk mengeluarkan peti ais dan mesin basuh. Kombinasi keluaran barangan elektrik adalah seperti berikut:

Kombinasi keluaran	Peti ais (ribu unit)	Mesin basuh (ribu unit)
X	20	85
Y	60	55

Berapakah kos lepas untuk mengeluarkan 60 ribu unit peti ais, jika kombinasi keluaran berubah dari X ke Y?

- A 5 ribu unit mesin basuh
 - B 20 ribu unit peti ais
 - C 30 ribu mesin basuh
 - D 40 ribu peti ais
- 18 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran sebuah firma.

Kasut (pasang)	Selipar (pasang)
2000	2500
3000	500

Berapakah kos lepas, jika firma tersebut menambah pengeluaran kasut dari 2000 pasang ke 3000 pasang?


- A 1 000 pasang kasut
 - B 2 000 pasang selipar
 - C 2 500 pasang selipar
 - D 3 000 pasang kasut
- 19 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran Firma XYZ.

Keluaran (unit)	Teknik Modal	Teknik Buruh
Bola sepak (unit)	120	300
Bola jaring (unit)	300	120

Berapakah kos lepas, jika firma tersebut menggunakan teknik intensif buruh?


- A 120 unit bola sepak
- B 180 unit bola jaring
- C 300 unit bola jaring
- D 420 unit bola sepak

- 20 Rajah berikut menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang tepat apabila kombinasi pengeluaran bergerak daripada titik X ke Y.

- A Keluaran barang X meningkat
 - B Keuntungan meningkat bagi barang Y
 - C Kadar pengangguran adalah tinggi dalam ekonomi
 - D Kemajuan tingkat teknologi pengeluaran berlaku
- 21 Rajah berikut adalah keluk kemungkinan pengeluaran bagi sebuah ekonomi.



Pernyataan yang manakah betul?

- A Titik A, B, C dan D menunjukkan kombinasi ketidakcekapan ekonomi
 - B Titik F menunjukkan masalah ketidakupayaan ekonomi
 - C Kos lepas sebanyak 16 unit berlaku daripada titik B ke C
 - D Titik kecekapan ialah pada titik E
- 22 Jadual berikut menunjukkan kombinasi pengeluaran ayam dan ikan dalam sebuah ekonomi.

Kombinasi pengeluaran	Ayam (kg)	Ikan (kg)
A	5	18
B	9	12

Apakah akan berlaku kepada ekonomi jika kombinasi pengeluaran 9 kg ayam dan 16 kg ikan dipilih?

- A Tidak berupaya mencapai kombinasi pengeluaran yang dipilih
- B Beroperasi pada tahap guna tenaga penuh
- C Pengangguran yang serius berlaku
- D Mengalami pembaziran sumber

23 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Siti.

Kedai Siti akan mengeluarkan baju sekolah dan menambah 20 orang tukang jahit untuk menjahit baju sekolah tersebut.

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah telah diselesaikan oleh Kedai Siti?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Bagaimana hendak dikeluarkan
- III Berapa yang hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh sebuah firma X.

- Teknik pengeluaran cekap menggunakan mesin
- Jumlah barang berdasarkan mekanisme pasaran

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah dapat diselesaikan oleh firma tersebut?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Berapakah hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

25 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah Firma A dalam ekonomi.

Firma A mengeluarkan almari pakaian dan telah menggunakan 2 buah mesin dan 5 orang tukang kayu untuk membuat almari pakaian tersebut

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah telah diselesaikan oleh Firma A?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Bagaimana hendak dikeluarkan
- III Untuk siapa hendak dikeluarkan
- IV Berapa yang hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Pilih pasangan yang betul.

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Bagaimana untuk dikeluarkan	Dikeluarkan melalui gabungan sumber ekonomi secara maksimum
B	Berapa yang perlu dikeluarkan	Diselesaikan untuk memaksimumkan kos
C	Apa yang hendak dikeluarkan	Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
D	Untuk siapa dikeluarkan	Bergantung kepada corak agihan pendapatan

27 Pernyataan yang manakah betul tentang sebab sistem ekonomi kapitalis lebih baik berbanding sistem ekonomi perancangan pusat?

- A Pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah secara besar-besaran
- B Agihan faktor pengeluaran adalah secara saksama
- C Kecekapan dalam penggunaan sumber berlaku
- D Berlaku agihan pendapatan yang setara

28 Maklumat berikut berkaitan dengan Negara X dan Y.

Negara X	Negara Y
Barangan dan perkhidmatan awam dikeluarkan oleh kerajaan	Mengeluarkan 20 ribu pasang kasut

Apakah masalah asas ekonomi yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

	Negara X	Negara Y
A	Berapakah hendak dikeluarkan	Untuk siapa dikeluarkan
B	Apakah barang yang dikeluarkan	Berapakah barang yang dikeluarkan
C	Berapakah barang hendak dikeluarkan	Untuk siapa dikeluarkan
D	Apakah yang hendak dikeluarkan	Bagaimanakah hendak dikeluarkan

29 Pernyataan yang manakah betul tentang kelebihan sistem ekonomi sosialis?

- A Kebebasan yang luas untuk melakukan kegiatan ekonomi
- B Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar
- C Agihan pendapatan yang seimbang
- D Penggunaan sumber yang cekap

30 Pernyataan yang manakah betul tentang ekonomi Islam?

- A Pengeluar mengeluarkan barangan untuk mendapat maksimum kos
- B Mementingkan kebendaan dan kekayaan di dunia untuk keselesaan
- C Wujudnya persaingan yang adil dan saksama antara pengeluar
- D Individu bebas memiliki sumber ekonomi

31 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Persaingan bebas antara firma
- Kebebasan membuat pilihan

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi

- A perancangan pusat
- B campuran
- C kapitalis
- D Islam

32 Pernyataan yang manakah betul menggambarkan sistem ekonomi campuran?

- A Harga ditentukan oleh mekanisme harga
- B Sumber ekonomi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan
- C Cara pengeluaran barang awam ditentukan oleh kerajaan
- D Individu dan pihak swasta sahaja memiliki faktor pengeluaran

33 Maklumat berikut menunjukkan perbezaan antara dua jenis sistem ekonomi.

Negara X	Negara Y
Pilihan barang dan perkhidmatan bagi individu adalah terhad	Individu dan firma bebas memiliki sumber


Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara X	Negara Y
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi sosialis
B	Sistem ekonomi sosialis	Sistem ekonomi pasaran bebas
C	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi campuran
D	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi sosialis

34 Apakah yang mendorong kerajaan untuk campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?

- A Memastikan keuntungan yang tinggi diperolehi
- B Mengelakkan pembaziran faktor pengeluaran
- C Melaksanakan projek pembangunan mega
- D Memaksimumkan kebajikan masyarakat

35 Rajah berikut menunjukkan ciri bagi dua sistem ekonomi.



Antara berikut, apakah A?

- I Persaingan antara firma wujud
 - II Dapat mengawal harga barang keperluan
 - III Agihan barang berdasarkan tingkat keperluan rakyat
 - IV Peruntukan sumber ditentukan melalui mekanisme harga
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Pilihan jawapan bagi **Soalan 36** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 36** I Firma menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran
 II Kekurangan firma mewujudkan pilihan yang memaksimumkan kepuasan
- 37** I Semua kombinasi pengeluaran di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran menggunakan sumber secara maksimum
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan ekonomi mencapai guna tenaga penuh.
- 38** I Keluk kemungkinan yang cembung menunjukkan kos lepas semakin menurun
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan teknologi adalah berubah
- 39** I Kos lepas bagi firma ialah barang dan perkhidmatan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.
 II Barang dan perkhidmatan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan disebabkan kerana kekurangan wang
- 40** I Untung ialah ganjaran kepada faktor modal.
 II Modal menggabungkan faktor pengeluaran lain untuk mengeluarkan barang.

SOALAN ESEI

- 1(a)** Beri takrif ilmu ekonomi. [2 markah]
- 1(b)** Jelaskan masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas:
- (i) isi rumah [3 markah]
- (ii) Kerajaan [3 markah]
- 2 (a)** Maklumat berikut berkaitan dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan kerajaan.

PROJEK PEMBANGUNAN	ANGGARAN KOS (RM)
Pembinaan jambatan ikonik bandar Jerleh	112.5 juta
Projek pelebaran Jalan Jerleh – Bukit Kenak	95.0 juta

*Nota : Dana kerajaan sebanyak RM 115 juta.

- (i) Apakah masalah kekurangan yang dihadapi oleh kerajaan? [1 markah]
- (ii) Jika kerajaan negeri memilih untuk melaksanakan projek pembinaan jambatan ikonik bandar Jerleh, apakah kos lepas yang terlibat? [3 markah]

- 2 (b) Gambar berikut menunjukkan **dua faktor** pengeluaran yang digunakan didalam pengeluaran.



Jelaskan perbezaan yang terdapat dalam faktor pengeluaran tersebut.

[4 markah]

- 2 (c) Maklumat di bawah berkaitan Puan Zalina.

Puan Zalina menceburi diri dalam bidang perusahaan kerepek. Beliau mengusahakan perusahaan kerepek dengan mengupah lapan orang pekerja.

Pada pendapat anda, adakah Puan Zalina dianggap sebagai usahawan?
Berikan alasan anda.

[4 markah]

- 2 (d) Terangkan masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan dalam situasi di atas.

[4 markah]

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Cik Azren.

Cik Azren merupakan pekebun kecil di Setiu, Terengganu. Beliau mempunyai kebun seluas 8 hektar dan menggajikan 6 orang pekerja. Beliau mempunyai modal sebanyak RM200,000. Dia telah memilih untuk menanam durian musang king yang berjumlah RM145,000 berbanding kelapa sawit yang bernilai RM195,000.

- (i) Terangkan tiga faktor pengeluaran yang terdapat dalam petikan tersebut. [6 markah]

- (ii) Nyatakan ciri-ciri yang ada pada Cik Azren. [3 markah]

- (iii) Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Cik Azren. [5 markah]

- 4 Jelaskan konsep masalah asas ekonomi berikut:


- (i) apa yang hendak dikeluarkan [3 markah]

- (ii) berapa hendak dikeluarkan [3 markah]

- (iii) bagaimana hendak dikeluarkan [3 markah]


- (iv) untuk siapa hendak dikeluarkan [3 markah]

- 5 Rajah di bawah ini menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran.




- (a) Berdasarkan rajah di atas, jelaskan titik yang menggambarkan ketidakcekapan pengeluaran. [3 markah]
- (b) Hitung kos lepas jika kombinasi pengeluaran berubah dari titik B ke titik C. [2 markah]

- 6 Rajah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.



- (a) Jika firma menukar kombinasi pengeluaran dari R ke Q, jelaskan implikasi pilihan tersebut. [2 markah]
- (b) Jelaskan kombinasi pengeluaran pada setiap titik. [2 markah]
- (c) Beri **dua** andaian untuk menganalisis keluk tersebut. [2 markah]

- 7 Rajah di berikut menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.



- (a) Berdasarkan gambar rajah di atas, terangkan kemungkinan bagi titik B. [3 markah]

- (b) Apakah yang mungkin berlaku jika firma mendapat bantuan subsidi kerajaan sebanyak RM40,000. [1 markah]

8 Perbualan berikut berkaitan dengan sistem ekonomi di dua buah negara.

Afiqah, sudah empat tahun kamu pindah ke luar negara, saya dengar di negara baharu kamu bukan sahaja bebas mengumpul kekayaan sendiri, malah semua kemudahan awam lain disediakan oleh kerajaan. Betulkah ?

Memang betul Ain, kerajaan negara kamu pun juga sangat baik. Semua barang keperluan rakyat disediakan. Inilah kelebihan semua sumber dimiliki oleh kerajaan



- (i) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Afiqah dan negara Ain? [2 markah]

- (ii) Bagaimana sistem ekonomi negara Afiqah menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

- (a) Berapa yang hendak dikeluarkan
- (b) Bagaimana hendak dikeluarkan

[4 markah]

9 Jelaskan **dua** kelebihan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Ain selain daripada yang terdapat dalam petikan. [4 markah]

10 (a) Jelaskan peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran. [6 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan satu sistem ekonomi.

Individu dan firma tidak mempunyai hak dalam pemilikan sumber ekonomi

- (i) Nyatakan sistem ekonomi di atas. [1 markah]
- (ii) Bandingkan antara sistem ekonomi di atas dengan sistem ekonomi negara Malaysia dalam aspek berapa yang hendak dikeluarkan dan bagaimana hendak dikeluarkan?

[4 markah]


- 11 Jadual berikut menunjukkan kombinasi pengeluaran barang R dan barang S.

Pilihan kombinasi	Barang R	Barang S
A	110	0
B	100	50
C	50	100
D	0	110

Hitung kos lepas untuk mengeluarkan:

- (i) 100 unit barang **R** (2 markah)
(ii) 100 unit barang **S** (2 markah)

- 12 Rajah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah firma Z.



Setujukah anda jika firma Z berhasrat mengeluarkan barang pada kombinasi Q?. Berikan alasan. [4 markah]

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan keinginan Faris membeli makanan di kantin sekolah.

Nasi Ayam	Bihun Goreng
RM 5.00	RM 5.00

Bagaimana Faris menyelesaikan masalah tersebut jika Faris hanya mempunyai wang saku sebanyak RM5.00?

[5 markah]

- 14 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Zahwan Maju Sdn. Bhd.

Syarikat Zahwan Maju Sdn. Bhd. Bercadang mengeluarkan baju dan kasut sukan. Namun begitu, Syarikat tersebut menghadapi masalah ekonomi.

Merujuk kepada konsep kekurangan dan pilihan, bagaimanakah keputusan tersebut dibuat? [5 markah]

- 15** Jelaskan **empat** peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran. [4 markah]
- 16** Terangkan kelebihan sistem ekonomi pasaran bebas [5 markah]
- 17** Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.


Amerika Syarikat	Cuba
Semua keputusan ekonomi di buat oleh individu dan pihak swasta	Rakyat tidak bebas memilih barangan tetapi kebajikan mereka terjaga

Tentukan sistem ekonomi yang diamalkan di Amerika Syarikat dan Cuba. Berikan dua ciri lain selain yang dinyatakan di atas. [4 markah]

BAB 2: PASARAN

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

Faktor-faktor perubahan keluk Permintaan ke kanan



Maksud Penawaran Pasaran

Penentu Keanjalan Harga Permintaan (Ed)

Penentu	Anjal	Tidak anjal
Jenis barangan		
Faktor jangka masa		
Bilangan barang pengganti		
Nisbah perbelanjaan pendapatan		
Bilangan kegunaan		
Ketagihan		
Ketahanan barang		

Penentu Keanjalan Harga Penawaran (Es)

Penentu	Anjal	Tidak anjal
Tambahan kos		
Corak penggunaan faktor pengeluaran		
Faktor masa		
Bilangan firma dalam pasaran		
Mobiliti faktor pengeluaran		
Ketersediaan stok atau inventori		

LATIHAN OBJEKTIF BAB 2: PASARAN


1 Pernyataan yang manakah betul tentang keluk permintaan?

- A Hubungan antara harga dan kuantiti positif
- B Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
- C Ditambah secara menegak antara harga dengan kuantiti
- D Peningkatan harga menyebabkan permintaan meningkat

2 Pernyataan yang manakah betul tentang permintaan berkesan?

- A Keperluan yang tidak terhad
- B Kehendak yang perlu dipenuhi
- C Kemahuan individu terhadap barang dan perkhidmatan
- D Keinginan dan kemampuan untuk memiliki barang dan perkhidmatan

3 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan terhadap suatu barang.



Keluk tersebut menunjukkan

- A hubungan negatif antara harga dengan kuantiti
- B bentuk keluk mencerun ke atas dari kanan ke kiri
- C kejatuhan harga akan menyebabkan penurunan kuantiti diminta
- D kenaikan harga akan menyebabkan peningkatan dalam keuntungan

4 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan keluk permintaan.

Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan


Manakah yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

	Harga asal (RM)	Permintaan Asal (Unit)	Harga baru (RM)	Permintaan Baru (Unit)
A	20.00	60	40.00	100
B	20.00	90	30.00	60
C	40.00	140	50.00	200
D	40.00	150	20.00	130

5 Keluk permintaan individu mencerun

- A ke atas dari kiri ke kanan
- B ke atas dari kanan ke kiri
- C ke bawah dari kanan ke kiri
- D ke bawah dari kiri ke kanan


6 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



Apakah yang menyebabkan peralihan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga barang itu menurun
- B Cukai pendapatan menurun
- C Harga barang penggenap menurun
- D Jangkaan harga akan menurun pada masa depan

7 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.




Apakah yang menyebabkan berlakunya perubahan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga barang itu meningkat
- B Jangkaan harga masa depan naik
- C Kadar cukai pendapatan bertambah
- D Harga barang penggenap meningkat

8 Pernyataan yang manakah betul menunjukkan keluk permintaan pasaran?


- A Mencerun ke atas dari kiri ke kanan
- B Hubungan positif antara harga dengan kuantiti
- C Lebih landai berbanding keluk permintaan individu
- D Titik-titik disambung secara menegak antara kuantiti diminta

- 9 Rajah berikut menunjukkan keluk-keluk permintaan individu dan keluk permintaan pasaran suatu barang.



Berapakah kuantiti yang diminta oleh individu E jika D_P ialah keluk permintaan pasaran?

- A 10 unit
 - B 15 unit
 - C 20 unit
 - D 30 unit
- 10 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan tiga individu dalam pasaran



Jadual yang manakah betul tentang permintaan pasaran tersebut?

A

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
15	20
20	12
35	6

B

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
15	20
20	10
35	7


C

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
15	12
20	8
35	5

D

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
15	12
20	10
35	6

11 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan terhadap kereta tempatan.







Perubahan titik x ke titik y ialah disebabkan oleh peningkatan

- A harga kereta import
- B harga kereta tempatan
- C pendapatan pengguna
- D cukai terhadap kereta tempatan


12 Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan suatu barang dalam pasaran.

Cukai pendapatan individu diturunkan

Rajah yang manakah menunjukkan kesan perubahan tersebut




13 Rajah berikut menunjukkan perubahan permintaan suatu barang.



Jika D_0 adalah permintaan asal, yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Citarasa tidak menggalakkan menyebabkan pergerakan titik A ke titik B
 - B Pendapatan meningkat menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik E
 - C Harga barang penggenap jatuh menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik C
 - D Jangkaan harga menurun pada masa depan menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke F
- 14 Pernyataan yang manakah betul menerangkan keluk penawaran pasaran?
- A Bentuk keluk adalah mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - B Diperoleh dengan menggabungkan semua titik keluk secara menegak
 - C Menunjukkan hubungan negatif antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan
 - D Menunjukkan jumlah kuantiti diminta oleh semua individu pada setiap tingkat harga
- 15 Rajah berikut berkaitan dengan suatu barang.




Peningkatan kuantiti Q_0 ke Q_1 disebabkan oleh

- A harga dijangka naik pada masa hadapan
- B peningkatan pendapatan pengguna
- C teknologi pengeluaran meningkat
- D cukai dikenakan oleh kerajaan

- 16 Situasi berikut berkaitan dengan suatu penentu penawaran rumah dalam pasaran.

Harga pasir untuk membuat rumah meningkat

Rajah yang manakah menunjukkan kesan perubahan penawaran tersebut?



- 17 Jadual berikut menunjukkan permintaan bagi barang A

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (kg)	
	Individu A	Individu B
5	20	20
10	40	30
15	30	50

Pilih pernyataan yang betul jika kuantiti ditawarkan ialah 50 kg.

- A Lebih penawaran berlaku pada harga RM5
- B Kurangan permintaan berlaku pada harga RM10
- C Berlaku keseimbangan pasaran pada harga RM5
- D Pada harga RM15 kuantiti penawaran lebih banyak

18 Jadual berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
1	14	12
2	13	14
3	12	16
4	11	18


Pilih pernyataan yang betul tentang jadual tersebut.

- A Pada RM1 harga cenderung turun
- B Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM2
- C Lebih penawaran sebanyak 4 unit pada tingkat harga RM3
- D Kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan sebanyak 7 unit pada harga RM4


19 Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu penawaran rumah.

Harga simen meningkat

Titik koordinat yang manakah menunjukkan kesan perubahan penentu penawaran tersebut?




20 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Apakah yang menyebabkan berlaku peralihan keluk permintaan tersebut?

- A Teknologi meningkat
- B Pendapatan individu naik
- C Harga barang itu meningkat
- D Cukai pendapatan individu naik


21 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Pilih pernyataan yang betul menerangkan tentang rajah tersebut.

- A Titik E_1 merupakan titik keseimbangan asal
- B Apabila cukai pendapatan naik menyebabkan perubahan keluk D_0D_0 ke D_1D_1
- C Perubahan E_0 ke E_1 menyebabkan harga keseimbangan baharu dicapai pada P_1
- D Pergerakan keluk D_0D_0 ke D_1D_1 menyebabkan kuantiti keseimbangan berubah daripada Q_1 ke Q_0


22 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran suatu barangan.



Apakah kesan jika berlaku peralihan keluk penawaran tersebut?

- A Mewujudkan lebih permintaan sebanyak Q_0Q_1
- B Harga keseimbangan baharu dicapai pada P_0
- C Titik keseimbangan baharu adalah pada E_0
- D Kuantiti meningkat daripada Q_0 ke Q_1

23 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan



Pilih pernyataan yang betul berkenaan dengan rajah tersebut.

- A Pengeluaran bermatlamatkan maksimum jualan
- B Jangkaan harga menurun pada masa depan
- C Harga faktor pengeluaran menurun
- D Tingkat teknologi menurun


24 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
4	20
8	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah daripada RM4 ke RM8?

- A 0.50
- B 1.00
- C 1.25
- D 2.00

25 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

- A 0.50
- B 0.67
- C 3.00
- D 7.50

26 Jadual berikut menunjukkan pekali keanjalan harga permintaan bagi emas dan garam.

Emas	Garam
1.6	0.5


Pilih pernyataan yang betul.

- A Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti bagi emas
- B Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga garam
- C Jumlah hasil meningkat jika harga garam diturunkan
- D Nilai pekali keanjalan emas ialah tak anjal

27 Pekali keanjalan harga permintaan ialah 0.5
Tafsirkan nilai itu

- A Harga turun 0.5%, kuantiti diminta meningkat lebih daripada 1%
- B Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun lebih daripada 0.5%
- C Harga turun 0.5%, kuantiti diminta meningkat 1%
- D Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun 0.5%


28 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang rajah tersebut.

- A Contoh barang adalah beras
- B Nilai pekali keanjalan ialah 3.5
- C Pengguna kurang responsif terhadap harga
- D Jumlah hasil meningkat jika harga dinaikkan


29 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah berikut?


- A Nilai pekali keanjalan ialah 2
- B Contoh barang adalah barang kemas
- C Pengguna sangat responsif terhadap harga
- D Jumlah hasil meningkat jika harga dinaikkan

- 30 Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang keluk tersebut?


- A Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
 - B Pengeluar menaikkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
 - C Pekali keanjalan adalah kurang daripada satu
 - D Contoh barang ialah beras
- 31 Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang keluk tersebut.

- A Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
 - B Pengeluar menurunkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
 - C Pekali keanjalan adalah kurang daripada satu
 - D Contoh barang ialah pakaian
- 32 Sesuatu barang cenderung menjadi tak anjal harga permintaan jika barang itu
- A ialah barang kehendak
 - B banyak barang pengganti
 - C mempunyai banyak kegunaan
 - D perbelanjaan merupakan sebahagian kecil daripada pendapatan
- 33 Sesuatu barang itu cenderung menjadi anjal harga permintaan jika barang itu
- A tidak mempunyai banyak barang pengganti
 - B mempunyai jangka masa pendek
 - C barang tidak tahan lama
 - D ialah barang mewah

- 34 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Berapakah nilai keanjalan harga penawaran jika harga naik daripada RM10 kepada RM30?

- A 0.25
 - B 0.50
 - C 1.00
 - D 2.00
- 35 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)
6	20
12	60

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran apabila harga berubah dari RM6 ke RM12?


- A 0.40
 - B 0.50
 - C 2.00
 - D 6.66
- 36 Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran **Barang A** dan **Barang B**.

Barang	Peratus Perubahan Kuantiti	Peratus Perubahan Harga
A	20%	60%
B	50%	20%

Padanan yang manakah betul tentang **Barang A** dan **Barang B**?

	Barang A	Barang B
A	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
B	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
C	Keluk penawaran lebih landai	Keluk penawaran lebih curam
D	Merupakan barang pertanian	Merupakan barang perkilangan


37 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang rajah tersebut.

- A Nilai pekali keanjalan ialah 1.33
- B Contoh barang adalah barang perkilangan
- C Jika harga naik 1% kuantiti ditawarkan turun 0.75%
- D Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti

38 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Nilai pekali keanjalan ialah 2
- B Contoh barang adalah barang perkilangan
- C Jika harga naik 1% kuantiti ditawarkan turun 0.5%
- D Peratus perubahan harga lebih kecil daripada peratus perubahan kuantiti

39 Sesuatu barang itu cenderung menjadi tak anjal harga penawaran jika

- A Bilangan firma dalam pasaran adalah sedikit
- B faktor pengeluaran mudah diperolehi
- C mobiliti faktor pengeluaran tinggi
- D stok barang yang banyak

Pilihan jawapan bagi **Soalan 40** hingga **Soalan 42** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 40** I Keanjalan harga permintaan tak anjal apabila pekali keanjalan kurang daripada satu.
 II Barang yang mempunyai banyak barang pengganti permintaannya adalah tak anjal
- 41** I Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 II Keluk permintaan menunjukkan hubungan negatif antara harga dengan kuantiti diminta
- 42** I Hukum permintaan menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan meningkat
 II Keluk permintaan yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan menggambarkan hukum permintaan


SOALAN ESEI

- Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum permintaan suatu barang [4 markah]
- Dengan bantuan rajah, jelaskan hukum permintaan suatu barang [4 markah]
- Jadual berikut menunjukkan permintaan bagi barang Z.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (Unit)		Permintaan Pasaran (Unit)
	Suhaila	Hakim	
8	50	90	(i) 140
6	(ii) 100	160	260
4	150	(iii)	330
2	170	190	(iv)

- Lengkapkan jadual tersebut. [4 markah]
- Lukis keluk permintaan individu bagi Suhaila. [4 markah]
- Nyatakan bentuk keluk permintaan individu yang dilukis [1 markah]

- 4 Rajah berikut menunjukkan perubahan dalam kuantiti diminta.




Rajah 2

Jelaskan pergerakan titik a ke titik b?

[3 markah]

- 5 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang



Rajah 1

Jelaskan penentu permintaan barang tersebut.

[5 markah]


- 6 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga Barang Z dengan kuantiti permintaan Barang Y.

Harga Barang Z (RM)	Kuantiti Diminta Barang Y (unit)
2	10
4	20


Dengan memberikan contoh, jelaskan hubungan antara harga barang Z dengan kuantiti barang Y.

[5 markah]

- 7 Rajah 2 dan 3 menunjukkan keluk-keluk penawaran suatu barang



Rajah 2



Rajah 3

- (i) Bezakan rajah 2 dan rajah 3 . [6 markah]
 (ii) Berdasarkan rajah 2, jelaskan hukum penawaran . [4 markah]
 (iii) Terangkan penentu penawaran bagi rajah 3. [6 markah]
- 8 Jadual menunjukkan penawaran terhadap telefon pintar di Malaysia pada bulan Mac dan bulan April 2025.

Harga	Kuantiti (unit) Mac	Kuantiti (unit) April
RM 2 000	20 000	10 000

Jelaskan faktor pengurangan penawaran terhadap telefon pintar di Malaysia. [4 markah]

- 9 Jadual menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi suatu barang Y

Peratus perubahan harga (%)	Peratus perubahan kuantiti (%)
40	20

- (i) Hitungkan keanjalan harga permintaan bagi barang Y. [2 markah]
 (ii) Jelaskan jenis keanjalan permintaan barang Y. [4 markah]
- 10 Jadual berikut menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran kasut pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM/kg)	Kuantiti permintaan (kg)	Kuantiti penawaran (kg)
30	150	40
40	120	60
50	100	80
60	80	100
70	60	110


- (i) Hitung keanjalan harga permintaan dan penawaran jika harga berubah dari RM30 ke RM40. [3 markah]
- (ii) Lukis keluk keseimbangan pasaran pada kertas graf. [5 markah]
- (iii) Berdasarkan soalan 10(ii), nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan. [2 markah]
- (iv) Jelaskan keadaan pasaran pada harga RM30 [4 markah]

11 Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran bagi baju kemeja.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
10.00	180	70
15.00	170	120
20.00	150	150
25.00	120	170
30.00	80	200

- (i) Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan [2 markah]
- (ii) Jelaskan keadaan pasaran baju kemeja pada harga RM 25.00 [4 markah]

12 Rajah 4 menunjukkan keluk permintaan bagi barang N.




Rajah 4

- (i) Hitung nilai keanjalan harga permintaan bagi barang N. [2 markah]

(ii) Tafsirkan nilai keanjalan harga permintaan di 12 (i). [3 markah]

(iii) Jelaskan penentu keanjalan permintaan bagi barang N [5 markah]

13 Rajah 5 menunjukkan keluk penawaran bagi suatu barang.




Rajah 5

(i) Hitung nilai keanjalan bagi harga penawaran barang tersebut. [2 markah]

(ii) Jelaskan nilai keanjalan harga penawaran barang di 13 (i) [3 markah]

14 Terangkan penentu keanjalan harga penawaran bagi kelapa sawit [6 markah]

15 Rajah 6 adalah keluk penawaran suatu barang



Rajah 6

(i) Hitung nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut. [2 markah]

(ii) Tafsirkan nilai keanjalan yang diperoleh [3 markah]

- 16 Gambar di bawah menunjukkan suatu tindakan kerajaan menjelang musim perayaan aidilfitri.



Dengan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran barang. [6 markah]

- 17 Keratan akhbar dibawah menunjukkan suatu tindakan kerajaan



Dengan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap penawaran firma. [5 markah]

- 18 Gambar dibawah menunjukkan suatu tindakan kerajaan.



Dengan menggunakan rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap permintaan pasaran barang. [5 markah]

19. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu dasar kerajaan.

Kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji.

Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut kepada pasaran industri makanan. [6 markah]

20. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu langkah kerajaan.

Mulai tahun taksiran 2017, kerajaan membenarkan pelepasan cukai sebanyak RM2500 untuk pembelian telefon pintar di bawah pelepasan cukai gaya hidup.

Dengan menggunakan rajah, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran telefon pintar. [6 markah]

BAB 3: WANG & BANK PENDAPATAN INDIVIDU

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

Fungsi Bank Perdagangan

Perbezaan Ciri Akaun Tabungan, Akaun Simpanan tetap dan Akaun Semasa		
Akaun Simpanan	Akaun Simpanan Tetap	Akaun Semasa

<i>MENERIMA DAN MEMBUAT BAYARAN</i>	
ARAHAN KEPADA BANK	
Debit langsung	
Pindahan kredit	

Perintah sedia ada	
Draf bank	
Kad juruwang elektronik (kad ATM)	
Kad Kredit	

JENIS-JENIS PENDAPATAN INDIVIDU

Jenis pendapatan	Huraian
Sewa	
Upah	
Faedah	
Untung	
Dividen	
Bayaran Pindahan	

PERBEZAAN ANTARA KEPERLUAN DAN KEHENDAK

Keperluan	Kehendak

Belanjawan Peribadi

Kepentingan belanjawan peribadi		

SOALAN OBJEKTIF

- 1 Berikut adalah dialog antara Puan Ainon dengan jurujual di sebuah pasaraya.

Jurujual : Semuanya RM430 puan.
 Puan Ainon : Saya tak ada tunai. Boleh tak saya guna kad debit?
 Jurujual : Boleh puan.
 Puan Ainon : Beli semua
 Jurujual : Jual yer puan. Terima kasih.
 Puan Ainon : Sama-sama

Apakah fungsi wang tersebut?

- A Alat perantaraan pertukaran
 - B Alat bayaran tertunda
 - C Alat simpanan nilai
 - D Alat ukuran nilai
- 2 Padanan manakah yang betul tentang fungsi wang?

	Fungsi Wang	
A	Alat perantaraan pertukaran	Rizal membayar ansuran keretanya sebanyak RM600 sebulan.
B	Alat bayaran tertunda	Syasya menggunakan eWallet Touch n Go untuk jelaskan pembelian barang dalam aplikasi Shopee.
C	Alat simpanan nilai	Wana memotong wang gajinya sebanyak RM500 sebulan ke dalam akaun simpanan Maybank.
D	Alat ukuran nilai	Mira menggunakan kad kredit membeli sofa baru.

- 3 Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan kesan tindakan bank pusat menaikkan kadar rizab berkanun bank perdagangan?

- I Deflasi dapat diatasi
- II Jumlah permintaan barang bertambah
- III Penawaran wang dalam pasaran berkurang
- IV Keupayaan bank memberi pinjaman menurun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Logo berikut menunjukkan dua jenis bank di Malaysia.



Apakah persamaan ciri bagi dua bank tersebut?

- A Memberi pinjaman
- B Menerima deposit
- C Mengeluarkan mata wang
- D Mengurus pertukaran asing

5 Fungsi yang manakah menunjukkan bank pusat bertindak sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

- A Memberi pendahuluan sementara
- B Menyediakan rumah penjelasan
- C Mengurus pertukaran asing
- D Memberi nasihat pelaburan

6 Pernyataan yang manakah betul bagi akaun simpanan tetap dan akaun simpanan semasa?

- A Mengeluarkan wang bila-bila masa
- B Mendapat kadar faedah yang tinggi
- C Menerima deposit daripada orang ramai
- D Menggunakan cek apabila melakukan pembayaran

7 Maklumat berikut merupakan sejenis pinjaman yang ditawarkan oleh bank perdagangan kepada Puan Noraina.

Puan Noraina boleh mengeluarkan wang melebihi baki simpanan dalam akaun banknya.

Jenis pinjaman tersebut ialah pinjaman

- A kenderaan
- B bercagar
- C overdraf
- D peribadi

8 Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan,

Cik Aisyah membayar bil air rumahnya pada setiap 26 hari bulan

Apakah perkhidmatan bank yang sesuai digunakan?

- A Perintah sedia ada
- B Pindahan kredit
- C Debit langsung
- D Draf bank

9 Pernyataan yang manakah berkaitan pinjaman peribadi.

- A Pinjaman untuk pembelian barang tak tahan lama
- B Pemohon mesti berumur 18 tahun ke atas
- C Pendapatan yang tak tetap
- D Perlukan cagaran

- 10 Pernyataan manakah yang betul tentang prinsip Mudharabah?
- A Pemegang amanah
 - B Perkongsian untung
 - C Jualan secara ansuran
 - D Pindah milik harta sewa
- 11 Antara berikut, pernyataan yang manakah menunjukkan persamaan antara pinjaman bercagar dengan pinjaman kenderaan di bank perdagangan ?
- I Pinjaman untuk pembelian hartanah seperti rumah
 - II Pinjaman boleh dibayar balik sehingga 9 tahun
 - III Pinjaman ini boleh dibayar secara ansuran
 - IV Pinjaman ini dikenakan faedah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan sektor utama?
- I Menternak itik
 - II Memberi perkhidmatan
 - III Dikenali sebagai sektor primer
 - IV Contoh pekerjaan ialah juruteknologi makanan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 13 Jadual berikut menunjukkan bilangan pekerjaan penduduk Kampung Damai.

Pekerjaan	Bilangan (orang)
Guru	150
Nelayan	50
Pesawah	30
Operator pengeluaran	70
Buruh binaan	60
Polis	40
Jumlah	400

- Berapakah peratus penduduk yang terlibat dalam sektor kedua?
- A 10.0%
 - B 20.0%
 - C 30.0%
 - D 90.0%
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan.
- Cik Zulaiqha berkelulusan Diploma Pengurusan Makanan. Beliau mengambil keputusan untuk bekerja di kampungnya sebagai jurujual di kedai ibunya.
- Antara berikut, yang manakah berkaitan bukan faktor pemilihan kerjaya Cik Zulaiqha?

- I Kelayakan akademik
- II Waktu bekerja bebas
- III Dapat kepuasan bekerja
- IV Jaminan kerja yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Prospek pekerjaan ialah

- A jaminan kerja yang tinggi
- B insentif yang diberikan oleh majikan
- C tempat kerja yang selesa dan selamat
- D komisen yang diberikan oleh pengurus

16 Jadual berikut menunjukkan upah wang bagi Encik Amri dan tingkat harga bagi dua barang dalam pasaran pada bulan Januari 2025.

Upah wang (RM)	Tingkat harga umum	
	Daging Ayam (Rm/kg)	Ikan Pari (Rm/Kg)
5 000	8.00	12.00

Berapakah upah benar Encik Amri pada bulan tersebut?

- A 250
- B 300
- C 450
- D 500

17 Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga tiga barang di pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang P (RM)	Harga Barang R (RM)	Harga Barang S (RM)
3 500	4.00	8.00	12.00

Apakah kesan kepada isi rumah apabila harga purata barang berubah kepada RM16?

- A Upah benar pengguna berkurang
- B Untung firma semakin meningkat
- C Perbelanjaan pengguna meningkat
- D Pendapatan boleh guna berkurang

18 Antara berikut, yang manakah betul tentang caruman PERKESO?

- I Wajib kepada semua pekerja di Malaysia
- II Caruman ahli digunakan untuk pelaburan
- III Menyediakan faedah perubatan kepada ahlinya
- IV Pekerja yang bergaji RM4 000 ke bawah wajib mencarum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Keuntungan diterima kerana

- A memberi hak penggunaan kepada orang lain
- B menyumbangkan tenaga fizikal dan mental
- C mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- D mempunyai saham syarikat berhad

20 Maklumat berikut berkaitan pendapatan individu.

Puan Ruzana bekerja sebagai kerani sekolah menerima gaji RM3 500 sebulan. Setiap petang, beliau menjual air balang dan menerima untung RM100. Beliau juga menerima bayaran sewa rumah sebanyak RM650 sebulan. Setiap bulan beliau membuat potongan zakat sebanyak RM200.

Berapakah jumlah pendapatan Puan Ruzana pada bulan Ogos?

- A RM 7 250
- B RM 7 050
- C RM 4 250
- D RM 4 050

21 Jadual berikut menunjukkan pendapatan Puan Fadhiaton pada bulan Januari 2025.

Butiran	RM
Upah	2 500
Dividen Tabung Haji	300
Bantuan Awal Persekolahan	100
Pampasan bencana banjir	1000
Pemberian Anak	250

Berapakah pendapatan tidak produktif Puan Fadhiaton pada bulan tersebut?

- A RM 1 350
- B RM 1 650
- C RM 4 150
- D RM 4 050

22 Jadual berikut menunjukkan pendapatan, potongan wajib dan perbelanjaan Puan Ani bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Gaji	7 000
KWSP	12%
Sewa rumah	600
Cukai pendapatan	220
Zakat	200

Berapakah jumlah pendapatan boleh guna Puan Ani?

- A RM 5 140
- B RM 5 740
- C RM 4 740
- D RM 4 140


- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Puan Mastura bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Zakat	170
KWSP	250
Insurans	80
Sewa rumah	500
Wang saku anak	300
Cukai pendapatan	200

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Mastura?

- A RM 1 200
- B RM 920
- C RM 700
- D RM 620

- 24 Rajah berikut menunjukkan pendapatan boleh guna.



	P	Q
A	Caruman Perkeso	Membayar Sewa rumah
B	Membeli kereta	Membayar cukai pendapatan
C	Caruman KWSP	Membayar zakat
D	Membayar bil utiliti	Membayar pinjaman bank

- 25 Tindakan yang manakah dapat meningkatkan pendapatan boleh guna individu?

- A Menaikkan kadar cukai
- B Menaikkan kadar bayaran PERKESO
- C Menurunkan peratus caruman KWSP
- D Menurunkan premium insurans nyawa

- 26 Antara berikut, yang manakah faedah daripada belanjawan peribadi yang berhemah?

- I Tabungan di bank bertambah
- II Perbelanjaan melebihi pendapatan
- III Memaksimumkan kepuasan individu
- IV Bebanan semakin hutang meningkat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kaedah pembayaran.

Encik Ramlan membeli sebuah rumah secara ansuran dengan jumlah bayaran sebanyak RM1 500 sebulan.


Antara berikut, apakah kelemahan kaedah pembayaran tersebut?

- I Membeli secara berhemat
 - II Menikmati harga yang lebih murah
 - III Meringankan beban kewangan pembeli
 - IV Menggalakkan pembeli merancang perbelanjaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Pernyataan yang manakah betul tentang barang kehendak?

- A Mudah dipenuhi
- B Untuk kelangsungan hidup
- C Pilihan barang yang terhad
- D Harga dikawal oleh kerajaan

29 Peta alir berikut menunjukkan langkah-langkah menyediakan belanjawan peribadi.



Langkah I adalah

- A menabung sebahagian pendapatan
- B menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- C mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
- D memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna

30 Antara berikut, yang manakah betul tentang fitur pembelian secara kredit?

- I Beban kewangan tanggungan pengguna
 - II Baki jumlah bayaran yang perlu dijelaskan
 - III Tingkat kadar faedah ditentukan oleh bank
 - IV Tempoh masa pembiayaan kewangan oleh bank
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Maklumat berikut berkaitan pembelian sebuah kereta secara kredit oleh Encik Zaini

Encik Zaini membeli sebuah kereta bernilai RM100 000 secara kredit. Beliau membuat bayaran secara ansuran selama 6 tahun. Kadar faedah yang dikenakan oleh bank perdagangan ialah 4 % setahun.

Jika Encik Zaini membayar wang pendahuluan sebanyak 20%, berapakah ansuran bulanan dibayar?

- A RM1 722.22
- B RM1 672.22
- C RM1 437.78
- D RM1 377.78

32 Antara berikut, yang manakah merupakan bukan strategi simpanan?

- I Pusat zakat
- II Unit amanah
- III Insuran nyawa
- IV Sekuriti pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Pilih pernyataan yang benar mengenai pelbagai jenis pelaburan

	Jenis pelaburan	Tahap risiko	Tahap kecairan
A	Unit Amanah	Rendah	Tinggi
B	Saham syarikat	Bebas risiko	Sederhana
C	Logam berharga	Sederhana	Tinggi
D	Sekuriti kerajaan	Tinggi	Sederhana

Pilihan jawapan bagi Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 34
 - I Perkhidmatan overdraf hanya untuk pemegang akaun semasa sahaja.
 - II Tiga jenis bentuk simpanan iaitu akaun tabungan, akaun simpanan tetap dan akaun semasa ditawarkan oleh bank perdagangan.
- 35
 - I Sektor ketiga dikenali juga sebagai sektor tertier.
 - II Sektor ketiga merupakan aktiviti menukar barang separuh siap menjadi barang siap.
- 36
 - I Biasiswa merupakan bayaran pindahan
 - II Bayaran pindahan merupakan pendapatan produktif.
- 37
 - I Potongan wajib akan mengurangkan pendapatan semasa pekerja.
 - II Contoh potongan wajib ialah zakat yang dikenakan kepada semua yang beragama Islam
- 38
 - I Peningkatan dalam pendapatan akan mengurangkan perbelanjaan pengguna
 - II Peningkatan perbelanjaan pengguna memberi kesan negatif kepada ekonomi Malaysia
- 39
 - I Inflasi akan menyebabkan kuasa beli individu meningkat.
 - II Inflasi ialah keadaan banyak wang dan sedikit barang dalam ekonomi.
- 40
 - I Bayaran secara kredit lebih murah berbanding secara tunai.
 - II Bayaran secara tunai diterima dengan meluas.

LATIHAN ESEI

1 (a)	Maklumat di bawah berkaitan dengan fungsi wang.  PAKEJ MUDAH BAYAR RM200 sahaja 24bulan Samsung Galaxy Z Flip5 SPECIFICATIONS 6.7" 1080x2640 pixels 12MP 2160p 8GB RAM Snapdragon 8 Gen 2 3700mAh 25W 0+15W RM3899 Terangkan fungsi wang yang terdapat pada iklan promosi tersebut.	[6 markah]
(b)	Terangkan tiga fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan?	[6 markah]
2 (a)	Jelaskan kaedah bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang?	[4 markah]
(b)	Bandingkan antara pinjaman bercagar dengan pinjaman peribadi?	[5 markah]
3	Logo di bawah merujuk kepada sebuah institusi kewangan bank di Malaysia. CONTOH  RHB Bank Berhad Huraikan dua perkhidmatan simpanan yang disediakan oleh bank tersebut.	[6 markah]
4	Kemajuan teknologi dan perkembangan sistem perbankan pada masa ini telah banyak membantu isi rumah dalam pengurusan pembayaran. Berikan pendapat anda secara terperinci.	[6 markah]
5	Huraikan sektor- sektor ekonomi dalam pekerjaan.	[6 markah]
6	Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan individu. Sebahagian besar individu di Malaysia berminat memperoleh pendapatan dalam bentuk untung. Mengapakah berlakunya senario sedemikian?	[5 markah]
7	Pekerjaan di dalam sektor awam memberikan jaminan kerja yang tinggi. Berikan pendapat anda .	[5 markah]

8	Kerajaan masih meneruskan Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Jelaskan jenis pendapatan yang diterima oleh penerima bantuan tersebut.	[3 markah]				
9	Rajah 1 berkaitan dengan potongan wajib. <table><tr><td>X</td><td>PERKESO</td></tr><tr><td>CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN</td><td>ZAKAT</td></tr></table> Rajah 1 i) Apakah X? ii) Jelaskan X di (i).	X	PERKESO	CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN	ZAKAT	[1 markah] [4 markah]
X	PERKESO					
CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN	ZAKAT					
10	Ikmal merupakan pelajar lepasan universiti dan baru sahaja mendapat pekerjaan dengan gaji RM2 800 sebulan. Dia membuat keputusan untuk membeli kereta keluaran Proton iaitu Proton X70 dengan bayaran ansuran sebanyak RM1 200 sbulan. Anda menganggap keputusan Ikmal kurang bijak. Kemukakan alasan anda.	[5 markah]				
11	Jelaskan kepentingan belanjawan peribadi.	[5 markah]				
12	Terangkan faktor yang boleh meningkatkan perbelanjaan pengguna.	[6 markah]				
13	Gambar tersebut menunjukkan kaedah pembayaran yang digunakan oleh pengguna.  Mengapakah kaedah pembayaran tersebut menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang?	[6 markah]				
14	Terangkan dua fitur ekonomi dalam pembelian kredit.	[4 markah]				
15	Maklumat berikutan berkaitan dengan penyata pendapatan Encik Salim.					

	<table><tr><td>Pendapatan boleh guna</td><td>RM 3 500</td></tr><tr><td>Makanan dan minuman</td><td>RM 1 200</td></tr><tr><td>Sewa rumah</td><td>RM 800</td></tr><tr><td>Cukai pendapatan</td><td>RM 130</td></tr><tr><td>Bil utiliti</td><td>RM 400</td></tr><tr><td>Ansuran kereta</td><td>RM 700</td></tr><tr><td>Hiburan</td><td>RM 500</td></tr></table>	Pendapatan boleh guna	RM 3 500	Makanan dan minuman	RM 1 200	Sewa rumah	RM 800	Cukai pendapatan	RM 130	Bil utiliti	RM 400	Ansuran kereta	RM 700	Hiburan	RM 500	
Pendapatan boleh guna	RM 3 500															
Makanan dan minuman	RM 1 200															
Sewa rumah	RM 800															
Cukai pendapatan	RM 130															
Bil utiliti	RM 400															
Ansuran kereta	RM 700															
Hiburan	RM 500															
	(i) Nyatakan justifikasi anda terhadap penyata tersebut. (ii) Berikan cadangan belanjawan peribadi yang lebih sistematik untuk Encik Salim.	[2 markah] [4 markah]														
16	En. Ariffin telah memenangi Cabutan Al-Awfar Bank Islam sebanyak RM 1 juta. Jelaskan strategi simpanan lain yang boleh digunakan oleh En. Ariffin dengan wang yang dimenangnya untuk menggandakan wangnya?	[4 markah]														

BAB 4: PENGELUARAN

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

Perbezaan:

INPUT TETAP	INPUT BERUBAH

PRODUKTIVITI DAN EKSTERNALITI

Faktor yang mempengaruhi produktiviti

Faktor	Huraian
i) Tenaga Manusia	
ii) Sistem dan prosedur	
iii) Struktur organisasi	
iv) Gaya kepimpinan	
v) Persekitaran kerja	
vi) Bahan-bahan	

vii) Teknologi	
viii) Kelengkapan modal	

Eksternaliti

Maksud eksternaliti ialah

KOS SOSIAL / EKSTERNALITI NEGATIF	FAEDAH SOSIAL / EKSTERNALITI POSITIF.

SOALAN OBJEKTIF

1 Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang firma?

- I Matlamat utama memaksimumkan keuntungan
- II Menggunakan barang dan perkhidmatan
- III Membekalkan faktor pengeluaran
- IV Berbeza dari segi saiz dan modal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Pernyataan yang manakah betul tentang pengeluaran?

- A Merupakan proses transformasi output kepada input
- B Semakin tinggi kos, semakin tinggi keuntungan firma
- C Perbelanjaan firma dikenali sebagai kos pengeluaran
- D Objektif firma hanya mendapatkan keuntungan maksimum

3 Pernyataan yang manakah betul tentang objektif Bayu D' Pata Resort?

- A Salah satu firma awam
- B Bekal barang dan perkhidmatan
- C Tawar faktor pengeluaran kepada isi rumah
- D Bertujuan memaksimumkan jualan dan keuntungan

4 Antara berikut, yang manakah betul tentang konsep pengeluaran jangka masa panjang?

- I Pada keluaran sifar, hanya input tetap digunakan dalam pengeluaran
- II Output hanya dapat diubah dengan mengubah semua input
- III Tambahan dalam input tetap akan meningkatkan output
- IV Wujud sekurang-kurangnya satu input tetap

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Pasangan yang manakah betul?

	Bangunan Kilang	Bahan Mentah
A	Berubah secara langsung dengan perubahan output.	Tidak berubah mengikut perubahan output
B	Bayaran ke atas input ialah kos berubah	Bayaran ke atas input ialah kos tetap
C	Wujud pada tingkat keluaran sifar	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar
D	Ia merupakan input berubah	Ia merupakan input tetap

- 6 Maklumat berikut adalah berkaitan suatu pengeluaran

Puan Suria memerlukan ubi kayu, minyak, garam dan pekerja bagi menghasilkan kerepek ubi

Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang maklumat tersebut?

- I Kuantiti berubah apabila output bertambah
- II Ia mempengaruhi keluaran marginal
- III Hanya wujud dalam jangka pendek
- IV Wujud walaupun tiada output

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 7 Cik Su memerlukan telur, tepung, mesin pengadun dan pekerja untuk membuat bahu.

Apakah input berubah yang terlibat dalam proses tersebut?

- A Mesin pengadun
- B Tepung dan pekerja
- C Telur, tepung dan pekerja
- D Telur, tepung dan mesin pengadun

- 8 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran bagi Firma JITU.

Buruh (orang)	Keluaran Purata (unit)
2	50
4	60
6	70
8	90
10	110

Berapakah keluaran marginal apabila menggunakan buruh 8 orang?

- A 90 unit
- B 150 unit
- C 160 unit
- D 200 unit

- 9 Jumlah katil yang dihasilkan oleh kedai Perabot Cahaya ialah 60 unit apabila 10 orang buruh digunakan. Penambahan sebanyak 30% buruh telah meningkatkan kuantiti pengeluaran katil sebanyak 35%.

Berapakah keluaran marginal akibat pertambahan buruh tersebut?

- A 9.50
- B 9.00
- C 7.50
- D 7.00

- 10 Jadual berikut menunjukkan keluaran marginal dan penggunaan buruh bagi Firma Soho.

Buruh (orang)	Keluaran Marginal (unit)
0	-
3	40
6	60
9	70
12	60

Berapakah keluaran purata apabila menggunakan 12 orang buruh?

- A 19.65 unit
B 19.17 unit
C 20.77 unit
D 21.33 unit
- 11 Antara berikut, pernyataan manakah betul tentang keluaran marginal?
- I Jumlah pengeluaran maksimum mampu dihasilkan oleh input tetap dan input berubah
II Keluaran yang dihasilkan daripada penggabungan input tetap dan input berubah
III Perubahan jumlah keluaran akibat pertambahan seunit input berubah
IV Bernilai negatif apabila jumlah keluaran mulai menurun
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kos pengeluaran.

- Kos tidak perlu ditanggung pada keluaran sifar
- Perubahan dalam keluaran mempengaruhi kos ini

Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan kos tersebut?

- A Pembelian bahan mentah
B Perbelanjaan sewa kilang
C Pembiayaan jentera dan mesin
D Pembayaran premium insurans
- 13 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran bagi bantal jenama 'Jenero Molek'

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
10	25
15	30

Jika kos tetap ialah RM 90, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 10 unit?

- A RM 65
B RM 160
C RM 250
D RM 340

14 Pernyataan yang manakah betul tentang kos tetap Kilang Kek Enak di Kemaman?

- A Sewa kilang
- B Upah pekerja
- C Bayaran bil SATU
- D Belian tepung 100kg setiap bulan

15 Jadual berikut berkaitan output dan kos pengeluaran bagi sebuah firma.

Output (unit)	Kos Tetap (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	3 900	11 500
10 000	3 900	22 000
20 000	3 900	22 500
30 000	3 900	23 000

Antara berikut, yang manakah betul berkaitan firma tersebut?

- I Pada output sifar, tiada penggunaan input
- II Firma beroperasi dalam jangka masa pendek
- III Walaupun output sifar, firma masih menanggung kos
- IV Kos tetap berubah secara langsung dengan tingkat output

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

16 Jadual berikut menunjukkan hubungan antara output dengan kos berubah.

Output (unit)	Kos Berubah (RM)
350	5 000
500	8 000

Jika kos tetap adalah RM1000, berapakah kos purata pada tingkat keluaran 500 unit?

- A RM18.00
- B RM16.00
- C RM14.00
- D RM28.00

17 Jadual berikut menunjukkan tingkat keluaran dengan jumlah kos bagi Firma Seribu Satu.

Jumlah Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	300
500	500
1000	700
1500	850
2000	1 200

Berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 1500 unit?

- A RM850
- B RM700
- C RM500
- D RM550

18 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran bagi firma AToZ

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
40	250
50	200

Jika kos tetap ialah RM1 000, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 50 unit?

- A RM7 000
- B RM8 000
- C RM9 000
- D RM10 000

19 Jadual berikut menunjukkan kos yang ditanggung oleh Firma Cheniey.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
100	100	200
150	100	300
200	100	550
250	100	650

Berapakah kos marginal pada jumlah output 200 unit?

- A 2.25
- B 3.25
- C 4.00
- D 5.00

20 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran kuih tepung pelita.

Kos berubah	= RM 270
Kos Tetap	= RM 140
Kos Purata	= RM 5

Berapakah jumlah output?

- A 82 unit
- B 54 unit
- C 410 unit
- D 415 unit

21 Pernyataan manakah yang betul tentang jumlah kos?

- A Merupakan perbelanjaan ke atas penggunaan input tetap
- B Sama dengan kos berubah pada tingkat output sifar
- C Meningkatkan apabila kos berubah bertambah
- D Berkadar langsung dengan kos tetap

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran barang X bagi Syarikat Peace Sdn. Bhd.

- Output : 3 000
- Harga seunit : RM18
- Kos purata : RM10

Berapakah untung firma tersebut?

- A RM 24 000
- B RM 30 000
- C RM 54 000
- D RM 84 000

- 23 Rumus berikut berkaitan keuntungan.

$$\text{Untung ekonomi} = \text{Jumlah Hasil} - (\text{Kos eksplisit} + \mathbf{M})$$

Kos yang manakah betul tentang **M**?

- A Kos bahan mentah
- B Sewaan tapak kilang
- C Bayaran upah pekerja
- D Penggunaan kenderaan sendiri

- 24 Jadual berikut menunjukkan perbelanjaan Encik Hidayat sebagai usahawan yang menjalankan perniagaan ladang kelapa sawit.

Butiran	Kos (RM)
Pembinaan ladang	14 000
Pembelian peralatan	11 000
Benih dan baja	7 000

Encik Hidayat telah meletak jawatan sebagai Pengurus Pemasaran dengan gaji RM 4 000. Tapak ladang tersebut adalah miliknya sendiri bernilai RM10 000.

Berapakah kos implisit dan eksplisit?

	Kos implisit (RM)	Kos eksplisit (RM)
A	32 000	14 000
B	24 000	21 000
C	18 000	24 000
D	14 000	32 000

25 Jadual berikut menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Input Tetap (unit)	Input Berubah (unit)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
3	0	0	-	-
3	1	6	6	6
3	2	14	7	8
3	3	26	8.67	12
3	4	34	8.5	8
3	5	39	7.8	5
3	6	43	7.17	4
3	7	46	6.57	3
3	8	48	6	2
3	9	48	5.33	0
3	10	47	4.7	-1

Tahap pengeluaran paling cekap adalah dari input berubah

- A 1 hingga 3
- B 1 hingga 9
- C 4 hingga 9
- D 4 hingga 10

26 Antara berikut, yang manakah betul tentang tahap pengeluaran paling cekap?

- I berlaku pada pengeluaran tahap I
 - II berlaku pulangan marginal berkurang
 - III jumlah keluaran bertambah dengan kadar cepat
 - IV jumlah keluaran bertambah dengan kadar perlahan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C III dan IV
 - D III dan IV

27 Faktor yang manakah mempengaruhi produktiviti?

- A Tingkat agihan pendapatan
- B Kepuasan pengguna
- C Struktur organisasi
- D Guna tenaga

28 Produktiviti berlaku apabila Syarikat Alakazam Sdn Bhd berupaya meningkatkan keluaran dengan cara

- A menggunakan teknologi canggih
- B memanjangkan tempoh pengeluaran
- C menggunakan buruh sedia ada sepenuhnya
- D menambahkan kos pengeluaran ke tahap maksimum

- 29 Maklumat berikut berkaitan tingkat output dan jumlah buruh yang digunakan oleh empat buah firma bagi pengeluaran sabun.

Firma	Buruh (orang)	Output (unit)
U	40	1 000
V	50	1 200
W	80	1 600
X	100	2 200

Firma yang manakah paling tinggi produktiviti?

- A U
- B V
- C W
- D X

- 30 Maklumat berikut berkaitan eksternaliti negatif kecuali

- A tidak termasuk dalam harga pasaran
- B kos sebenar yang ditanggung masyarakat
- C aktiviti yang memberi kesan kepada pihak ketiga
- D faedah yang tidak diambilkira dalam pengeluaran

- 31 Pernyataan berikut berkaitan dengan eksternaliti.

Kerajaan optimis meneruskan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangka siap mengikut jadual ditetapkan iaitu pada Disember 2026

Apakah kos sosial yang wujud kesan daripada situasi tersebut?

- A Peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar
- B Jangka masa perjalanan yang lebih cepat
- C Kesesakan lalulintas dapat diatasi
- D Harga hartanah naik

Pilihan jawapan bagi **Soalan 32** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 32 I Firma menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan barangan
II Firma mengeluarkan barang dan perkhidmatan untuk memaksimumkan kebajikan
- 33 I Pengeluaran adalah suatu proses transformasi output kepada input.
II Output terdiri daripada barang perantaraan atau barang akhir
- 34 I Input tetap wujud dalam jangka masa panjang dan pendek
II Jangka masa panjang bermaksud firma telah beroperasi melebihi 10 tahun

- 35 I Jumlah keluaran merujuk kepada jumlah output yang dapat dihasilkan oleh input
II Semakin banyak kuantiti output, semakin rendah jumlah kos
- 36 I Untung perniagaan mengambilkira kos implisit dan eksplisit
II Untung ekonomi sama dengan untung perniagaan
- 37 I Hukum pulangan berkurangan menunjukkan peningkatan jumlah keluaran pada kadar yang perlahan.
II Hukum pulangan berkurangan berlaku pada tahap II pengeluaran.
- 38 I Faktor yang mempengaruhi produktiviti ialah tenaga manusia, gaya kepimpinan dan persekitaran kerja.
II Pertumbuhan ekonomi dicapai hanya melalui peningkatan produktiviti
- 39 I Kos sosial merupakan faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar
II Pembuangan sisa toksik kilang ke Sungai yang merugikan nelayan adalah contoh kos sosial
- 40 I Faedah sosial terbahagi kepada faedah peribadi dan faedah luaran
II Jika sesuatu barangan mempunyai faedah luaran yang sangat menonjol, jumlah faedah peribadi akan menjadi lebih besar daripada faedah sosial

LATIHAN ESEI

1	Jelaskan perbezaan antara pengeluaran jangka masa pendek dan pengeluaran jangka masa panjang.				[5markah]																																													
2	Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran sebuah firma yang mengeluarkan pakaian.																																																	
	<table><tr><th>Mesin (unit)</th><th>Buruh (unit)</th><th>Jumlah keluaran (unit)</th><th>Keluaran purata (unit)</th><th>Keluaran sut (unit)</th></tr><tr><td>2</td><td>1</td><td>10</td><td>10</td><td>10</td></tr><tr><td>2</td><td>2</td><td>22</td><td>11</td><td>Y</td></tr><tr><td>2</td><td>3</td><td>V</td><td>11</td><td>11</td></tr><tr><td>2</td><td>4</td><td>42</td><td>10.5</td><td>9</td></tr><tr><td>2</td><td>5</td><td>47</td><td>W</td><td>5</td></tr><tr><td>2</td><td>6</td><td>49</td><td>X</td><td>Z</td></tr><tr><td>2</td><td>7</td><td>49</td><td>7</td><td>0</td></tr><tr><td>2</td><td>8</td><td>46</td><td>5.75</td><td>-3</td></tr></table>				Mesin (unit)	Buruh (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)	2	1	10	10	10	2	2	22	11	Y	2	3	V	11	11	2	4	42	10.5	9	2	5	47	W	5	2	6	49	X	Z	2	7	49	7	0	2	8	46	5.75	-3	
Mesin (unit)	Buruh (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)																																														
2	1	10	10	10																																														
2	2	22	11	Y																																														
2	3	V	11	11																																														
2	4	42	10.5	9																																														
2	5	47	W	5																																														
2	6	49	X	Z																																														
2	7	49	7	0																																														
2	8	46	5.75	-3																																														
	(a)	Apakah jenis jangka masa pengeluaran firma tersebut? Berikan alasan anda.			[2markah]																																													
	(b)	Tentukan nilai V, W, X, Y dan Z .			[5markah]																																													
	(c)	Tingkat input berubah manakah yang paling cekap? Berikan alasan anda			[3markah]																																													

3	Jadual berikut merupakan kos-kos pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma.																																			
		<table><tr><th>Keluaran/Output (unit)</th><th>Jumlah Kos (RM)</th><th>Kos Purata (RM)</th><th>Kos Marginal (RM)</th></tr><tr><td>0</td><td>200</td><td>-</td><td>-</td></tr><tr><td>1</td><td>350</td><td>350</td><td>150</td></tr><tr><td>2</td><td>390</td><td>195</td><td>Q</td></tr><tr><td>3</td><td>408</td><td>136</td><td>18</td></tr><tr><td>4</td><td>440</td><td>P</td><td>32</td></tr><tr><td>5</td><td>510</td><td>102</td><td>70</td></tr><tr><td>6</td><td>630</td><td>105</td><td>120</td></tr></table>	Keluaran/Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)	0	200	-	-	1	350	350	150	2	390	195	Q	3	408	136	18	4	440	P	32	5	510	102	70	6	630	105	120		
Keluaran/Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)																																	
0	200	-	-																																	
1	350	350	150																																	
2	390	195	Q																																	
3	408	136	18																																	
4	440	P	32																																	
5	510	102	70																																	
6	630	105	120																																	
	(a)	Hitung nilai P dan Q.		[4markah]																																
	(b)	Berdasarkan jadual di atas jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos purata dan kos marginal.																																		
	(i)	Output 0 hingga 3 unit		[2markah]																																
	(ii)	Output 4 hingga 6 unit		[2markah]																																
4	Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah firma. Kilang ABC menghasilkan baju sebanyak 80 pasang. Jumlah kos yang ditanggung ialah RM560. Apabila firma menambah output menjadi 100 pasang, kos pengeluaran meningkat sebanyak 25%. Hitungkan kos marginal bagi output ke 100.			[2 markah]																																
5	Syarikat Khalid mengeluarkan 8250 unit keluaran dan menjualnya pada harga RM8.00. Berikut adalah kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran syarikat ini. Kos bahan mentah RM30 000 Kos upah buruh RM16 800 Sewa bangunan kilang RM6 600 Kos bahan api RM2 400 Berdasarkan maklumat, hitungkan jumlah keuntungan Syarikat Khalid.			[4 markah]																																
6	Maklumat di bawah menunjukkan hasil dan kos sebuah firma. Syarikat XYZ Sdn. Bhd. mengeluarkan 300 kipas yang dijual dengan harga RM130.00 seunit. Kos pengeluaran yang digunakan ialah bahan mentah RM12,000.00, upah pekerja RM3,000.00, sewa kilang RM1,500.00 dan bil utiliti RM2,000.00 Hitung jumlah untung yang diperolehi.			[2markah]																																

7	Jelaskan hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran.	[4markah]
8	Faktor tanah mempengaruhi produktiviti. Jelaskan.	[5 markah]
9	Jelaskan konsep kos sosial dalam konteks ekonomi	[5 markah]
10	Maklumat di bawah berkaitan dengan projek pembangunan kerajaan.	
	Projek ECRL disambung dengan Kos RM44 Bilion PUTRAJAYA - Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sejauh 688 kilometer yang menghubungkan Pelabuhan Klang di Selangor ke Kelantan akan disambung semula pada kos yang lebih rendah. Kos pembinaan Fasa 1 dan 2 ECRL kini dikurangkan kepada RM44 bilion, pengurangan sebanyak RM21.5 bilion daripada kos asalnya RM65.5 bilion. Projek ECRL dimulakan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dan digantung tahun lepas oleh kerajaan Pakatan Harapan yang baru dipilih berikutan kosnya yang tinggi selain memberi impak kepada hidupan liar.	
	Jelaskan kos sosial yang wujud akibat pelaksanaan aktiviti pembinaan ECRL ini.	[6markah]
11	Maklumat berikut berkaitan dengan eksternaliti.	
	Pembuangan sisa kilang ke sistem saliran telah menyebabkan gangguan kepada bekalan air di daerah Kemaman. Ini telah menimbulkan masalah kepada penduduk yang terlibat	
	Bagaimanakah kerajaan bertindak untuk menangani masalah tersebut?	[6markah]

BAB 5 EKONOMI DAN KERAJAAN
PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar

Barang Awam

Ciri:

Barang Sosial

Ciri:

Ciri Monopoli Semula Jadi Kerajaan

Ciri-ciri:

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____


Peranan Kerajaan Untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara

1. Guna Tenaga Penuh

2. Kestabilan Harga


- Ketidakstabilan harga boleh _____ masyarakat
- Apabila **harga meningkat** secara berterusan- _____
- Jika **harga turun** berterusan- _____

- Kesan Inflasi dan deflasi:-



INFLASI

❖ Jenis Inflasi



❖ **Kesan Inflasi**

<u>Kesan Terhadap Harga Barang</u> • _____ • _____ • _____
<u>Kesan Terhadap Pendapatan</u> • _____ • _____ • _____ • _____
<u>Kesan Terhadap Pengangguran</u> • _____ • _____ • _____ • _____ • _____

PENGANGGURAN

i) **Kesan pengangguran terhadap Masalah Sosial Negara**



SEBAB PERTUMBUHAN EKONOMI

SUMBER ALAM SEMULA JADI • _____ • _____ • _____	JUMLAH PENDUDUK DAN BEKALAN TENAGA • _____ • _____ • _____
KEMAJUAN TEKNOLOGI • _____ • _____ • _____	PELABURAN DALAM AKTIVITI EKONOMI • _____ • _____ • _____

Perbelanjaan Kerajaan

Perbezaan antara perbelanjaan mengurus dan pembangunan:

Perbelanjaan mengurus	Perbelanjaan pembangunan

a) Belanjawan Negara

BELANJAWAN LEBIHAN	BELANJAWAN DEFISIT
Atasi:	Atasi:
➤ <u>kadar cukai</u> • _____ • _____ • _____ • _____ • _____	➤ <u>kadar cukai</u> • _____ • _____ • _____ • _____ • _____
➤ <u>perbelanjaan Kerajaan</u> • _____ • _____ • _____ • _____ • _____	➤ <u>perbelanjaan Kerajaan</u> • _____ • _____ • _____ • _____ • _____

SOALAN OBJEKTIF

- 1 Antara berikut, yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?
 - I Mengawal selia pengeluar
 - II Mencapai guna tenaga penuh
 - III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
 - IV Mengeluarkan barang ekonomi dan barang awam
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 2 Antara berikut, bagaimanakah kerajaan dapat mengawal eksploitasi pengguna melalui undang-undang dan peraturan?
 - I Menaikkan peruntukan subsidi
 - II Menetapkan harga barang kawalan
 - III Menguatkuasakan Akta Pencatutan
 - IV Meningkatkan kadar cukai terhadap barang tertentu
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal eksternaliti negatif?
 - A Menetapkan kawalan harga barang-barang keperluan
 - B Memberi subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran
 - C Memusatkan kawasan perindustrian di luar kawasan kediaman
 - D Mengenakan cukai ke atas produk kecantikan yang membahayakan kesihatan

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penunjuk ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) Julai 2022 naik 4.4% berbanding tahun sebelumnya.

Sumber BH online 29 Ogos 2022

Situasi yang manakah berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Dasar fiskal mengembang dilaksanakan oleh kerajaan
 - B Kos sara hidup masyarakat bertambah
 - C Eksport negara cenderung meningkat
 - D Pelaburan firma tinggi

- 5 Pilih pasangan yang betul.

	Jenis Inflasi	Keterangan
A	Tarikan permintaan	Wujud akibat kejatuhan nilai mata wang tempatan
B	Tolakan kos	Berlaku apabila pengeluar ingin mengekalkan margin untung
C	Tarikan permintaan	Negara rakan dagang mengalami peningkatan harga secara berterusan
D	Tolakan kos	Sukar menambah keluaran semasa ekonomi mencapai guna tenaga penuh

- 6 Inflasi menyebabkan berlakunya kejatuhan
- A nilai wang
 - B kadar faedah
 - C eksport barang
 - D jumlah penganggur
- 7 Situasi yang manakah boleh menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos?
- A Wujud lebih permintaan barang
 - B Kenaikan harga faktor pengeluaran
 - C Berlakunya peningkatan bekalan wang
 - D Pertambahan tingkat pendapatan pengguna
- 8 Pernyataan yang manakah merujuk kepada kesan positif inflasi sederhana kepada masyarakat dan negara?
- A Tingkat harga naik
 - B Guna tenaga meningkat
 - C Tabungan akan bertambah
 - D Imbangan pembayaran positif
- 9 Pernyataan manakah betul tentang inflasi?
- A Inflasi tolakan kos berlaku pada tingkat guna tenaga penuh
 - B Inflasi sederhana berlaku meningkatkan pertumbuhan ekonomi
 - C Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh penurunan nilai mata wang
 - D Inflasi melampau` menyebabkan pendapatan benar isi rumah meningkat
- 10 Apakah kesan inflasi sederhana terhadap ekonomi negara?
- A Peluang pekerjaan meningkat
 - B Pendapatan boleh guna naik
 - C Tabungan meningkat
 - D Nilai import naik
- 11 Pengangguran geseran berlaku disebabkan
- A firma mengecilkan skala pengeluaran
 - B kekurangan mobiliti dari segi kelayakan
 - C berlaku perubahan struktur ekonomi negara
 - D sedang mencari pekerjaan yang dikehendaki
- 12 Pernyataan yang manakah betul dengan pengangguran kitaran
- A Maklumat peluang pekerjaan yang terhad
 - B Firma mengurangkan operasi pengeluaran
 - C Struktur ekonomi negara mengalami perubahan
 - D Berlaku kekurangan mobiliti dan kemahiran buruh
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada paras 3.9% dalam tempoh 8 bulan pertama 2023, berbanding 2.3% dalam tempoh masa yang sama tahun lalu.

Sumber : <http://bharian.com.my>
27/10/2023

Apakah tindakan yang sesuai diambil oleh kerajaan untuk mengawal keadaan tersebut?

	Dasar Fiskal	Kadar Cukai	Perbelanjaan Kerajaan
A	Mengembang	Naik	Turun
B	Menguncup	Turun	Naik
C	Mengembang	Turun	Naik
D	Menguncup	Naik	Turun

14 Pernyataan manakah betul tentang dasar fiskal?

	Tindakan	Kesan
A	Menaikkan cukai tak langsung	Meningkatkan permintaan agregat
B	Menurunkan cukai langsung	Menurunkan harga umum barangan
C	Menaikkan perbelanjaan pembangunan kerajaan	Menambahkan peluang pekerjaan
D	Mengurangkan perbelanjaan mengurus kerajaan	Mengurangkan kadar pengangguran

15 Jadual menunjukkan bajet kerajaan bagi tahun 2019.

Butiran	RM Juta
Hasil	264.42
Belanja Mengurus	263.34
Belanja Pembangunan	52.57

Sumber: Petikan Laporan Ekonomi BH, 2019/2022

Tindakan yang manakah betul berkaitan keadaan tersebut?

	Dasar Fiskal	Ketidakstabilan Ekonomi	Tujuan Pelaksanaan
A	Menguncup	Deflasi	Mengurangkan proses penciptaan kredit
B	Mengembang	Deflasi	Meningkatkan permintaan agregat
C	Mengembang	Inflasi	Menambah projek pembangunan
D	Menguncup	Inflasi	Merapatkan jurang pendapatan

16 Pasangan yang manakah betul tentang dasar fiskal untuk mengawal inflasi?

	Tindakan	Keterangan
A	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan projek pembangunan
B	Meningkatkan cukai	Menaikkan cukai pendapatan
C	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan permintaan agregat
D	Meningkatkan cukai	Menaikkan kuasa beli

17 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai langsung?

- A Syarikat Hebat Berhad dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
- B Koperasi Bahagia membayar cukai atas keuntungan yang diperoleh
- C Puan Halimah membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- D Encik Izzat membayar cukai kepada agensi pekerja asing

18 Pasangan yang manakah betul tentang cukai langsung dan cukai tak langsung?

	Cukai Langsung	Cukai Tak Langsung
A	Dikenakan ke atas barang	Dikenakan ke atas individu
B	Kadar cukai bersifat progresif	Kadar cukai bersifat tetap
C	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
D	Contoh ialah cukai jualan	Contoh ialah cukai pintu

19 Situasi manakah berkaitan dengan cukai tak langsung?

I	Encik Salim membayar cukai kepada Majlis Perbandaran Kangar atas perkhidmatan pembersihan di kawasan kediamannya.
II	Puan Mala membayar RM350 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atas pendapatannya.
III	Syarikat Iqie membayar cukai kepada Jabatan Kastam Malaysia atas pembelian barang-barang makanan dari Korea
IV	Puan Yati dikenakan bayaran tambahan 16% daripada bayaran penginapan Hotel Bestari
A	I dan II
B	I dan III
C	II dan IV
D	III dan IV

20 Pasangan yang manakah betul tentang perbelanjaan kerajaan?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Perkhidmatan sosial	Bekalan dan perkhidmatan
B	Pentadbiran am	Bayaran khidmat hutang
C	Emolumen	Perkhidmatan ekonomi
D	Keselamatan	Biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan

21 Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?

- A** Belanja menyiapkan stadium mini di Kuala Kubu Baru
- B** Agihan subsidi anak benih padi IS21 kepada pesawah di Sekinchan
- C** Membayar kos penyelenggaraan makmal computer di SMK Bandar Lama
- D** Serahan kepada kerajaan Perak untuk baik pulih jalan raya yang rosak di Ipoh

22 Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang kewangan mengembang?

- I** Tujuan kerajaan untuk menambah bekalan wang dalam ekonomi
 - II** Berupaya mengawal peningkatan harga umum dalam pasaran
 - III** Meningkatkan keupayaan firma menambah bilangan pekerja
 - IV** Contoh Tindakan ialah menaikkan nisbah rizab tunai
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

23 Pernyataan yang manakah betul tentang dasar kewangan menguncup?

- A Boleh dilakukan melalui pembelian surat jaminan kerajaan
- B Dilaksanakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara
- C Bertujuan menambahkan bekalan wang di pasaran
- D Berupaya meningkatkan kuasa beli pengguna

24 Apakah kesan pelaksanaan dasar kewangan mengembang oleh Bank Negara terhadap ekonomi?

- A Mengawal kenaikan harga barang
- B Mengurangkan kuasa beli pengguna
- C Menjejaskan aktiviti pengeluaran barang
- D Menurunkan kadar pengangguran dalam ekonomi

25 Bagaimanakah bank pusat mengawal kenaikan harga barang secara berterusan dalam pasaran?

	Rizab Tunai	Surat Jaminan Kerajaan	Syarat Sewa Beli
A	Naikkan	Beli	Ketatkan
B	Naikkan	Jual	Ketatkan
C	Turunkan	Jual	Longgarkan
D	Turunkan	Beli	Longgarkan

26 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

45 pekerja diberhentikan.

Sumber : Ubahsuai *Berita Harian*,
4 Jun 2019

Antara berikut, tindakan yang manakah dapat mengatasi keadaan tersebut?

- I Menurunkan kadar cukai
 - II Melonggarkan syarat sewa beli
 - III Memendekkan tempoh bayaran balik
 - IV Mengurangkan jumlah perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Maklumat berikut merupakan kesan dariapda tindakan bank pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi.

- Penawaran wang berkurangan
- Kuasa beli masyarakat menurun

Apakah tindakan tersebut?

- A Mengetatkan syarat sewa beli
- B Menurunkan kadar rizab berkanun
- C Mengurangkan kadar faedah pinjaman
- D Memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman

28 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

Sejumlah 155 893 pekerja diberhentikan sejak tahun 2020 hingga Julai 2021.

Sumber: Ubah suai daripada www.sinarharian.com.my. 23 September 2021

Antara berikut, tindakan yang manakah boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi keadaan tersebut?

- I Menurunkan kadar faedah
- II Melonggarkan syarat sewa beli
- III Memendekkan tempoh bayaran balik
- IV Mengurangkan jumlah perbelanjaan kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar fiskal mengembang bagi menyokong agenda pembangunan negara.

Sumber: BH Online, Nov.2018

Antara berikut, pernyataan yang manakah betul dengan tindakan tersebut?

- I Melaksanakan projek mega
- II Pertambahan kos sara hidup
- III Peningkatan permintaan agregat
- IV Memperkenalkan cukai baharu dalam ekonomi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

30 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan harga barang di pasaran.

Kenaikan harga barang menjadi fenomena seluruh dunia

Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan oleh Bank Negara bagi menyelesaikan keadaan tersebut?

- A Meningkatkan kuasa beli pengguna
- B Meningkatkan kadar faedah pinjaman
- C Menambahkan bekalan wang dalam pasaran
- D Melaksanakan dasar kewangan mengembang

31 Apakah kesan ke atas firma apabila kadar faedah tinggi dalam pasaran?

- A Perbelanjaan pengurusan lebih banyak
- B Kos pinjaman perniagaan bertambah
- C Bilangan penganggur meningkat
- D Tekanan inflasi menjadi tinggi

- 32 Maklumat yang manakah betul tentang pelaksanaan dasar kewangan dalam mencapai objektif makroekonomi?

	Objektif makroekonomi	Tindakan	kesan
A	Guna tenaga penuh	Menurunkan kadar rizab berkanun	Peluang pekerjaan menurun
B	Kestabilan harga	Menjual surat jaminan kerajaan	Tingkat harga umum naik
C	Pertumbuhan ekonomi	Menaikkan kadar faedah pinjaman	Kos pengeluaran berkurang
D	Imbangan pembayaran	Melonggarkan syarat sewa beli	Aliran masuk wang meningkat

Pilihan jawapan bagi **Soalan 33** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 33 I Belanjawan defisit berlaku apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil kerajaan.
- II Belanjawan defisit digunakan bagi mengawal inflasi
- 34 I Perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan semasa yang berulang-ulang yang ditangguhkan oleh kerajaan.
- II Contoh perbelanjaan mengurus ialah bayaran khidmat hutang.
- 35 I Inflasi berlaku apabila tingkat harga umum mengalami peningkatan secara berterusan.
- II Inflasi ini akan menyebabkan peningkatan daya saing barang tempatan pasaran global.
- 36 I Belanjawan lebihan digunakan semasa negara mengalami masalah kemelesetan ekonomi.
- II Masalah lebihan stok barangan berlaku semasa kemelesetan ekonomi.
- 37 I Perbelanjaan mengurus ialah perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang pada setiap tahun.
- II Contoh perbelanjaan mengurus ialah membina sekolah.
- 38 I Pengangguran geseran ialah keadaan tenaga buruh tidak bekerja dalam sesuatu jangka masa apabila berlaku perpindahan pekerjaan.
- II Pengangguran geseran berlaku apabila buruh memilih pekerjaan yang disukainya.
- 39 I Indeks harga pengguna ialah ukuran tentang perubahan harga barangan bagi suatu tahun berbanding tahun asas dalam ekonomi,
- II Indeks harga pengguna meningkat menunjukkan kos sara hidup pengguna telah menurun.
- 40 I Sumber hasil Kerajaan terdiri daripada cukai langsung dan cukai tak langsung
- II Hasil Kerajaan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan Pembangunan.

LATIHAN ESEI

- 1 (a) Jelaskan secara ringkas objektif makroekonomi yang berikut:
 - (i) Guna tenaga penuh [3 markah]
 - (ii) Pertumbuhan ekonomi [3 markah]
- (b) Bagaimanakah peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluaran? [4 markah]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah firma GLC.

Syarikat Air Terengganu (SATU) merupakan pengeluar air bersih di Terengganu.

Terangkan ciri-ciri monopoli semula jadi tersebut.

[6 markah]

